

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2021**
TASAWWUR ISLAM**5226**

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. **Bahagian A** mengandungi **20** soalan objektif pelbagai bentuk dan **Bahagian B** mengandungi **enam** soalan subjektif.
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. **Buku jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 8 halaman bercetak dan 4 halaman tidak bercetak.
(Nota penerbit: Bilangan halaman dalam buku ini telah diubah suai)

BAHAGIAN A

[20 markah]

*Jawab semua soalan.***Soalan 1 hingga soalan 4***Tulis istilah yang betul bagi pernyataan berikut*

1. Islam adalah cara hidup yang lengkap merangkumi aspek akidah, ibadah dan akhlak.
2. Makhluk ciptaan Allah SWT yang dikurniakan akal dan ditugaskan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT serta memakmurkan alam.
3. Kesalahan dan hukuman yang ditetapkan oleh syarak yang wajib dilaksanakan bagi menunaikan hak manusia.
4. Mewakikan sesuatu barangan atau harta kepada pihak lain untuk disimpan.

Soalan 5 hingga soalan 8*Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang paling sesuai.*

ibadah umum	pemilikan harta	ta'awun	ibadah khusus	syura	wahyu
-------------	-----------------	---------	---------------	-------	-------

5. Maksud _____ ialah semua amalan kebaikan yang disyariatkan oleh Allah SWT bagi menghubungkan manusia dalam sesebuah masyarakat.
6. Fungsi _____ dan akal ialah membetulkan akidah manusia.
7. Sesuatu yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya untuk dimiliki dan dimanfaatkan menurut kehendak Islam ialah _____.
8. Prinsip-prinsip tadbir urus dalam Islam menjadikan urusan pentadbiran dijalankan berdasarkan konsep _____.

Soalan 9 dan soalan 10

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan hak-hak asasi manusia yang dijamin oleh Islam.

Hak-Hak Asasi Manusia	Pernyataan
T	Islam tidak memaksa orang bukan Islam untuk menganuti agama Islam.
U	Islam mengharamkan perbuatan fitnah kerana ia boleh merosakkan perpaduan masyarakat.

9. T ialah _____.

10. U ialah _____.

Soalan 11 dan soalan 12

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan prinsip pandangan hidup Islam.


Prinsip pandangan hidup Islam	Ciri – ciri
V	Kesempurnaan hanya milik Allah SWT.
Rabbaniyyah	Islam ialah agama yang diwahyukan oleh Allah SWT.
W	Islam menjamin hak asasi manusia.

11. V ialah _____.

12. W ialah _____.

Soalan 13 hingga soalan 15

Tulis jawapan yang betul bagi melengkapkan carta di bawah pada ruang kosong yang disediakan.



Soalan 16 dan soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

16. Orang yang berpegang dengan akidah yang benar akan sentiasa muhasabah diri terhadap segala perbuatannya.

☐

17. Konsep kesenian Islam ialah untuk menjana ekonomi umat Islam melalui jualan hasil seni yang dihasilkan.

☐

18. Pengagihan harta secara zalim adalah kesan daripada pengabaian tugas khalifah.

☐

19. Menurut sistem ekonomi komunisme semua pemilikan harta individu dihapuskan dan menjadi hak milik negara.

☐

20. Memakan makanan yang halal tidak menjamin kesihatan tubuh badan.

☐

BAHAGIAN B

[80 markah]

Jawab empat soalan sahaja.

- 1 (a) (i) Jelaskan maksud ihsan.

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** contoh ihsan terhadap haiwan.

[2 markah]

Pengakuan bahawa tiada tuhan melainkan Allah SWT dan bersaksi bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan utusan Allah SWT.

Pernyataan A

Suatu bentuk ibadah dengan cara mengeluarkan harta yang tertentu pada kadar tertentu dengan syarat-syarat tertentu.

Pernyataan B

- (b) (i) Apakah rukun Islam yang bertepatan dengan pernyataan A dan pernyataan B di atas?

[2 markah]

- (ii) Huraikan akibat sekiranya terdapat umat Islam yang menolak kedua-dua pernyataan di atas.

[4 markah]

Mengagihkan harta dalam masyarakat dengan adil merupakan antara asas sistem ekonomi Islam.

- (c) (i) Nyatakan **dua** asas sistem ekonomi Islam selain daripada di atas.

[2 markah]

- (ii) Nyatakan **dua** jenis pemilikan harta beserta contoh.

[4 markah]

- (d) Terangkan **dua** peranan pekerjaan sebagai sumber dalam pemilikan harta yang halal.

[4 markah]

2 (a) Senaraikan **dua** proses kejadian insan sebelum menjadi janin.

[2 markah]

(b) Terangkan **dua** tanggungjawab manusia sebagai hamba Allah SWT terhadap alam.

[4 markah]

(c) Jelaskan **dua** perkara yang boleh merosakkan akal.

[4 markah]

(d) (i) Nyatakan **dua** asas sistem perundangan Islam.

[2 markah]

(ii) Jelaskan keunggulan sistem perundangan Islam.

[2 markah]

Menurut perangkaan Bank Negara pada 2004, jumlah pinjaman yang dikeluarkan melalui pajak gadai Islam ialah RM275 juta, berbanding RM1.5 bilion oleh pajak gadai konvensional. *Sumber: Artikel oleh Junaidi Yean Abdullah, 13 September 2008*

Pajak gadai Islam merupakan pembiayaan Islam yang terbaik kerana mensyaratkan gadaian sebagai asset pendasar. Namun, masih terdapat masyarakat yang masih ragu-ragu dengan perkhidmatan yang ditawarkan walaupun mempunyai banyak kelebihan dari segi caj upah simpanan yang rendah dan proses pinjaman yang mudah.

Sumber: <https://jmitr.usim.edu.my>

(e) Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah anda dapat mengubah sikap umat Islam untuk memilih sistem gadaian Islam? Huraikan.


[6 markah]

3 (a) Senaraikan **dua** sumber utama sistem sosial Islam.

[2 markah]

(b) Jelaskan tanggungjawab bersama suami dan isteri.

[2 markah]



(c) (i) Berdasarkan gambar di atas, bagaimanakah amalan tersebut dapat membina keluarga bahagia? Huraikan.

[4 markah]

(ii) Cadangkan **dua** aktiviti lain yang dapat mengukuhkan hubungan kekeluargaan.

[2 markah]

(d) (i) Apakah maksud pentadbiran menurut Islam?

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** prinsip tadbir urus dalam Islam.

[4 markah]

(iii) Terangkan **dua** kepentingan melaksanakan tadbir urus dalam sistem pentadbiran Islam terhadap negara.

[4 markah]

4 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan akidah?

[2 markah]

(b) Senaraikan **empat** sifat mustahil bagi rasul.

[4 markah]

(c) Terangkan **dua** hikmah ibadah puasa yang diamalkan oleh umat Islam.

[4 markah]

(d) Jelaskan **dua** kepentingan pelaksanaan muamalat Islam terhadap individu.

[4 markah]

(e) Kaji pernyataan di bawah dan jawab soalan berikutnya.

Mustafa membeli sebuah lori *food truck* untuk kegunaannya berniaga berharga RM95 ribu melalui pembiayaan bank. Pihak bank telah menjual semula *food truck* tersebut kepadanya dengan harga pokok dan keuntungan. Mustafa bersetuju membayar pembiayaannya secara beransur-ansur mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

(i) Senaraikan **dua** jenis sistem muamalat Islam yang berlaku dalam situasi di atas.

[2 markah]

(ii) Huraikan tindakan yang boleh dilakukan oleh Mustafa sekiranya memilih tidak menggunakan jenis muamalah Islam di atas.

[4 markah]

- 5 (a) Senaraikan **dua** peringkat alam yang dilalui oleh manusia yang boleh dirasakan oleh pancaindera.
[2 markah]
- (b) Terangkan kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT dalam aspek pendidikan.
[2 markah]
- (c) Kaji pernyataan di bawah dan jawab soalan berikutnya.

Sekumpulan pelajar yang masih berpakaian seragam sekolah dirakamkan ‘meraikan’ hari terakhir peperiksaan SPM bersama rakan-rakan di sebatang jalan. Bukan sahaja mengganggu ketenteraman awam dengan bunyi bising, malah kumpulan terbabit termasuk pelajar perempuan ini turut menunjukkan lagak ‘samseng’ dengan membuat pelbagai aksi di atas jalan raya sehingga menyebabkan pengguna lain terpaksa ‘beralah’ memberi laluan kepada mereka.

Sumber: Ubah suai Astro Awani, 27 November 2019

- (i) Terangkan kesan buruk yang timbul daripada situasi di atas.
[2 markah]
- (ii) Huraikan tindakan yang boleh anda lakukan bagi menghalang perbuatan tersebut berulang.
[4 markah]
- (d) (i) Nyatakan **dua** prinsip kehakiman Islam.
[2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kepentingan melaksanakan sistem kehakiman Islam.
[4 markah]
- (e) (i) Apakah maksud hukum hudud?
[2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** jenis kesalahan yang dikenakan hukuman hudud.
[2 markah]

6 (a) (i) Senaraikan **dua** adab dan etika berdasarkan sistem sosial Islam.

[2 markah]

(ii) Nyatakan **empat** hak asasi manusia yang dijamin oleh Islam.

[4 markah]

(b) Jelaskan **dua** kepentingan membina keluarga berdasarkan tuntutan syarak.

[4 markah]

- * Bantuan Awal Persekolahan (BAP)
- * Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT)
- * Bantuan Makanan Tambahan (BMT)
- * Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP)

(c) Senarai di atas merupakan antara bantuan yang disediakan oleh kerajaan kepada murid melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Huraikan tanggungjawab murid apabila telah menerima bantuan di atas.

[6 markah]

Khilafah bertanggungjawab untuk melaksanakan undang-undang Allah SWT, amar makruf nahi mungkar, menegakkan keadilan dan mengukuhkan perpaduan dalam masyarakat.

(d) (i) Terangkan kesan sekiranya seseorang khalifah gagal menunaikan tanggungjawab di atas.

[2 markah]

(ii) Jelaskan peranan rakyat untuk mengukuhkan tanggungjawab khilafah di atas.

[2 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT